



WACANA KONTEKSTUAL DALAM LIRIK LAGU PEKAKA BERCEKITA

SITI NOOR RIHA BINTI SULONG

FBMK 2018 99



WACANA KONTEKSTUAL DALAM LIRIK LAGU *PEKAKA BER CERITA*

Oleh

SITI NOOR RIHA BINTI SULONG

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah

Oktober 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

WACANA KONTEKSTUAL DALAM LIRIK LAGU *PEKAKA BERCERITA*

Oleh

SITI NOOR RIHA BINTI SULONG

Oktober 2017

Pengerusi : Profesor Normaliza Abd Rahim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Lirik lagu merupakan ekspresi seseorang tentang sesuatu hal yang sudah dilihat, didengar mahupun yang sudah dialami. Dalam mengekspresikan pengalaman, penulis lirik lagu sering melakukan permainan kata-kata dan bahasa untuk mencipta kreativiti dan tarikan terhadap sesuatu lirik lagu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tautan wacana kontekstual melalui kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*. Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga objektif utama, untuk menghuraikan aspek tekstual yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*, membincangkan aspek amalan wacana yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*, dan menjelaskan aspek proses sosial yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*. Kajian ini menggunakan Teori Analisis Wacana Kritis Tiga Dimensi Fairclough (1992, 1995, 2003) yang dipelopori oleh Norman Fairclough. Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough ini mengandaikan bahawa setiap wacana yang digarap dalam sesebuah teks sebagai sesuatu yang mempunyai struktur. Dengan itu, keseluruhan wacana yang mempunyai hubungan secara konseptual dalam sesuatu teks boleh diklasifikasikan ke dalam set tertentu. Dalam kajian ini, data utama akan dikumpul melalui himpunan 20 lirik lagu *Pekaka Bercerita* karya Normaliza Abd Rahim (2014) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis deskriptif. Secara umumnya, kajian ini berusaha merungkai struktur yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita* agar pendengar khususnya kanak-kanak dapat mengetahui, menikmati, dan memahami maksud yang tersurat dan tersirat di sebalik penyampaian lirik lagu berkenaan di samping turut mendalami aspek kebahasaan yang terdapat di dalamnya. Hasil kajian mendapati bahawa penulis lirik menggunakan keseluruhan aspek penting dalam wacana ini, iaitu tekstual, praktis wacana, dan juga praktis sosial dengan seimbang dalam lirik lagu sekali gus menjadikan karya *Pekaka Bercerita* ini sebagai karya sastera yang terbina dengan keseimbangan unsur struktural bahasa yang mantap tanpa mengabaikan kesesuaian dan kewajaran karya dengan golongan sasaran. Selain itu, aspek praktis wacana iaitu intertekstualiti dan juga interdiskursiviti

dalam bait lirik lagu *Pekaka Bercerita* ini juga mempunyai klausa ayat imperatif yang bermakna dan berkesan dalam menyampaikan mesej kepada golongan sasaran. Aspek praktis sosial dalam lirik lagu *Pekaka Bercerita* ini juga mempunyai keindahan moral yang seimbang dan berguna kepada golongan sasaran secara langsung berpotensi mendorong peningkatan inovasi kanak-kanak untuk berfikiran positif dalam kehidupan seharian.



Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

CONTEXTUAL DISCOURSE IN *PEKAKA BERCEKITA* SONG LYRICS

By

SITI NOOR RIHA SULONG

October 2017

Chairman : Professor Normaliza Abd Rahim, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Song lyrics are an expression of someone about something that has been seen, heard or even who has experienced an event. In expressing thoughts, lyricists frequently using puns and language to create the creativity and appeal of a song. Therefore, this study aims to analyse the contextual passage through compilation *Pekaka Bercekerita* song lyrics. The objective of this study is divided into three main objectives. First, this study is to identify the aspects contained in the compilation of textual lyrics of *Pekaka Bercekerita*. Second, this study is to discuss the aspects of discourse practices contained in the compilation of *Pekaka Bercekerita* song lyrics, and the third is to analyze aspects of the social process that happens in the compilation of *Pekaka Bercekerita* song lyrics. This study was conducted using Critical Discourse Analysis Theory of Three Dimensional Fairclough (1992, 1995, 2003) pioneered by Norman Fairclough. Fairclough Critical Discourse Analysis theory assumes that every discourse is covered in a text as something that has a structure. Thus, the entire discourse related conceptually in a text can be classified into specific sets. In this study, primary data will be collected through a collection of 20 songs *Pekaka Bercekerita*, work from Normaliza Abd Rahim (2014) that has been published by Dewan Bahasa dan Pustaka. Research analysis of this study is the use of text analysis methods. In general, this study investigates the structure contained in the compilation song lyrics of *Pekaka Bercekerita* for listeners especially children who can learn, enjoy, and understand literally and figuratively meaning behind the delivery of the lyrics of the song whilst also explore aspects of language contained therein. In conclusion, the study found that the lyricist used the entire important aspect of the discourse of textual, practical discourse, and also social practical balanced in the lyrics of *Pekaka Bercekerita* thus making it as a built literary masterpiece with a balance of strong structural language without ignoring the relevance and appropriateness of the work with the target group. Besides, the practical aspects of a passage of intertextuality and interdiscursivity in verse lyrics *Pekaka Bercekerita* also have a clause of the imperative paragraph that

meaningful and effective in conveying the message to the target group. Finally, the practical aspects of social lyrics *Pekaka Bercecerita* also has the moral beauty of a balanced and useful to the potential target directly for strengthening the innovation of children to think positive in daily lives.



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya maka tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Dr. Normaliza Abd Rahim (selaku pengerusi Jawatan Kuasa Penyeliaan), Dr. Hasnah Mohamad dan Dr. Roslina Abu Bakar (selaku AJK Penyeliaan tesis) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan, garis panduan dan teguran dalam usaha membantu saya menyempurnakan kajian tesis yang telah diamanahkan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan budi kalian.

Sejuta terima kasih buat ayah, ibu, suami, adik-adik dan rakan-rakan yang banyak memberi galakan, dorongan, bantuan moral dan kewangan kepada saya bagi menyelesaikan pengajian. Penyelidik juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, Wisata Minda, Perpustakaan Sultan Abdul Samad dan Perpustakaan Tun Sri Lanang kerana banyak memberi bantuan dan pandangan sepanjang saya menjayakan penyelidikan ini. Jasa dan budimu akan ku kenang hingga akhir hayat. Sekian, Terima Kasih

Nama: Siti Noor Riha Sulong
No Tel: 010-2460675
Email: sitinoorhasulong28@yahoo.com

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Roslina Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh _____

Nama dan No. Matrik: Siti Noor Riha binti Sulong (GS37961)

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Latar Belakang Kesusasteraan Kanak-kanak	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	11
1.8.1	Wacana Kontekstual	11
1.8.2	Pekaka Bercerita	11
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Sorotan Kajian Wacana Kritis	13
2.3	Sorotan Kajian Aspek Lirik Lagu	16
2.4	Perkaitan antara Kajian ini dengan Kajian Lepas	25
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Kaedah Kajian	26
3.3.1	Kaedah Analisis Teks	26
3.3.2	Penganalisan Data	27
3.3.3	Analisis Teks	27
3.4	Teori	27
3.5	Kerangka Teori	29
3.6	Prinsip-prinsip Umum Analisis Wacana Kritis	30
3.6.1	Analisis Tekstual	32
3.6.1.1	Nahu	32
3.6.1.2	Leksikal	32
3.6.1.3	Kohesi	32
3.6.2	Analisis Praktis Wacana	33
3.6.2.1	Intertekstualiti	33
3.6.2.2	Interdiskursiviti	33
3.6.3	Proses Sosial	34

3.7	Kerangka Konsep	35
3.8	Kesimpulan	36
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Tekstual dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	37
4.2.1	Aspek Nahu (Tema) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	37
4.2.1.1	Tema Kemanusiaan dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	38
4.2.1.2	Tema Kepimpinan dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	48
4.2.1.3	Tema Asal Usul Tempat dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	55
4.2.1.4	Tema Alam Sekitar dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	61
4.2.1.5	Tema Perbuatan Sia-sia dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	63
4.2.2	Aspek Leksikal (Metafora) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	69
4.2.3	Aspek Kohesi (Pengulangan) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	75
4.2.4	Aspek Kohesi (Kata Hubung) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	82
4.2.5	Aspek Kohesi (Kata Hubung Pancangan Keterangan Waktu) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	95
4.2.6	Aspek Kohesi (Kata Hubung Pancangan Keterangan Sebab) dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	98
4.3	Amalan Wacana dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	104
4.3.1	Aspek Intertekstualiti dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	104
4.3.2	Aspek Interdiskursiviti dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	111
4.4	Amalan Proses Sosial dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	116
4.4.1	Aspek Ekonomi dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	117
4.4.2	Aspek Kepimpinan dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	121
4.4.3	Aspek Moral dalam Lirik Lagu <i>Pekaka Bercerita</i>	126
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	130
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	132
5.2	Kesimpulan	132
5.3	Implikasi Kajian	133
5.3.1	Pihak Kementerian	134
5.3.2	Bidang Kesusasteraan di Malaysia	134

5.3.3	Bidang Akademik	134
5.3.4	Masyarakat	135
5.4	Cadangan	135

BIBLIOGRAFI	137
LAMPIRAN	144
BIODATA PELAJAR	166
SENARAI PENERBITAN	167



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Pendekatan Analisis Wacana Kritis Tiga Dimensi Fairclough	28
2	Kerangka Teori	29
3	Kerangka Konseptual	35



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Judul-Judul Lirik Lagu dalam Album <i>Pekaka Bercerita</i>	10
2 Lirik lagu dalam Album <i>Pekaka Bercerita</i>	
3 Tema Kemanusiaan 1	39
4 Tema Kemanusiaan 2	41
5 Tema Kemanusiaan 3	43
6 Tema Kemanusiaan 4	44
7 Tema Kemanusiaan 5	46
8 Tema Kemanusiaan 6	47
9 Tema Kepimpinan 1	49
10 Tema Kepimpinan 2	51
11 Tema Kepimpinan 3	53
12 Tema Kepimpinan 4	54
13 Tema Asal Usul Tempat 1	55
14 Tema Asal Usul Tempat 2	56
15 Tema Asal Usul Tempat 3	58
16 Tema Asal Usul Tempat 4	59
17 Tema Asal Usul Tempat 5	61
18 Tema Alam Sekitar 1	62
19 Tema Perbuatan Sia-sia 1	64
20 Tema Perbuatan Sia-sia 2	66
21 Tema Perbuatan Sia-sia 3	67
22 Tema Perbuatan Sia-sia 4	68
23 Metafora 1	71

24	Metafora 2	72
25	Metafora 3	73
26	Metafora 4	74
27	Pengulangan 1	77
28	Pengulangan 2	78
29	Pengulangan 3	80
30	Pengulangan 4	81
31	Kata Hubung Gabungan 1	84
32	Kata Hubung Gabungan 2	85
33	Kata Hubung Gabungan 3	86
34	Kata Hubung Gabungan 4	88
35	Kata Hubung Gabungan 5	90
36	Kata Hubung Gabungan 6	92
37	Kata Hubung Gabungan 7	94
38	Kata Hubung Pancangan Keterangan Waktu 1	96
39	Kata Hubung Pancangan Keterangan Waktu 2	97
40	Kata Hubung Pancangan Keterangan Sebab 1	99
41	Kata Hubung Pancangan Keterangan Sebab 2	101
42	Kata Hubung Pancangan Keterangan Sebab 3	102
43	Kata Hubung Pancangan Keterangan Sebab 4	104



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bab ini akan menghuraikan beberapa aspek penting tentang kajian ini termasuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepetingan kajian, definisi operasional, organisasi kajian, dan penutup. Secara ringkasnya, segala perbincangan dalam bahagian ini adalah menjurus kepada perkara yang menjadi dasar atau landasan kajian yang akan dijalankan.

Apabila membicarakan bahasa, memang tidak dapat dinafikan peri pentingnya bahasa sebagai alat komunikasi atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan sehari-hari (Hashim Musa, 2008). Hal ini demikian, kerana bahasa merupakan satu sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak agar penggunaan bahasa dapat difahami (Asmah Omar, 1990). Sehubungan dengan itu, keberadaan manusia dalam proses perkembangan akal budinya tidak akan dapat lari daripada bahasa (Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011). Hal ini demikian, kerana kedudukan bahasa itu sendiri merangkumi idea, gagasan dan tingkah laku manusia. Secara tidak langsung, perkara ini dapat dikatakan bahawa kemunculan dan perkembangan bahasa merupakan tanda munculnya budaya (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2011).

Dengan itu, maka jelaslah bahawa kesusasteraan secara langsung merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Dari segi fizikalnya, perkataan kesusasteraan ini bermaksud 'kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya'. Dalam erti kata yang lain pula, kesusasteraan boleh dimaksudkan sebagai segala pengucapan yang indah-indah, sama ada pengucapan tersebut tertulis atau tidak (Hadijah Rahmat, 2006). Kesusasteraan pada lahiriahnya wujud dalam kalangan masyarakat manusia melalui bentuk tulisan dan juga wujud dalam bentuk lisan. Jika diperhatikan dalam kehidupan sehari-harian, kedua-dua bentuk kesusasteraan sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia sejagat (Arba'ie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2014). Contohnya jelas apabila manusia sentiasa mengaplikasikan kesusasteraan dalam kehidupan seharian seperti mendengar muzik, menggunakan pelbagai peribahasa dan pepatah yang indah dan sebagainya. Ringkasnya, kesusasteraan merupakan sebahagian daripada budaya manusia. Budaya yang ditonjolkan dalam kehidupan manusia merupakan ekspresi diri manusia dan juga manifestasiestetika manusia terhadap bahasa yang dipertuturkan oleh mereka sendiri (Md Saidin Ahmad Ishak, 2005).

Sejajar dengan itu, jelaslah bahawa muzik merupakan sebahagian daripada budaya manusia. Muzik salah satu media yang mengungkapkan kesenian (Harun Mat Piah, 2006). Muzik juga turut berpotensi mencerminkan kebudayaan masyarakat pendukungnya. Hal ini demikian, kerana muzik mengandungi nilai dan norma yang menjadi bahagian daripada proses enkulturasi budaya, baik dalam bentuk formal mahupun tidak formal (Hassan Muthalib, 2000). Muzik juga dilihat mempunyai bentuk yang khas, sama ada dari segi struktural mahupun jenisnya dalam kebudayaan. Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir (2013), mengatakan bahawa muzik ialah ilmu atau seni menyusun nada atau suara yang diutarakan, kombinasi dan hubungan temporal untuk menghasilkan komposisi (suara) yang mempunyai keseimbangan dan kesatuan, nada atau suara yang disusun sedemikian rupa sehingga dapat menghasilkan irama, lagu dan keharmonian.

Di samping itu, muzik juga merupakan satu media yang dianggap sangat efektif dalam menyampaikan pelbagai bentuk pesanan. Menurut Parker (2003) dan Davis, S.G (2010), muzik merupakan produk fikiran, elemen vibrasi atas frekuensi, bentuk, dan durasi masih belum menjadi muzik yang sempurna kepada manusia sehinggalah komponen muzik itu ditransformasikan secara neurologi dan diinterpretasikan melalui otak. Hal ini demikian, kerana muzik dapat dikelompokkan sebagai salah satu media komunikasi audio. Muzik merupakan salah satu cara dalam melakukan kegiatan komunikasi melalui suara yang diharapkan mampu menyampaikan pelbagai bentuk pesanan. Hadijah Rahmat (2006) pula mengatakan bahawa, muzik ialah sebahagian daripada karya seni. Seni pula merupakan hal yang sangat penting dalam sistem peradaban manusia yang terus bergerak sesuai dengan perkembangan budaya, teknologi dan juga ilmu pengetahuan. Sebagai sebahagian daripada karya seni, muzik mampu menjadi media bagi seseorang untuk berkomunikasi dengan individu yang lain. Salah satu tujuan utama daripada muzik ini adalah untuk berkomunikasi. Hal ini demikian, kerana melalui muzik manusia dapat menjelaskan, menghiburkan, dan mengungkapkan pengalaman serta perasaan kepada individu yang lain (Ismail Hamid, 1988).

Menurut Richard (1973: 33), "*it is peculiar genius of music to capture and evoke patterns of intentional feeling such as expectations, desires, joyful, sadness even madness*". Kenyataan yang disebut oleh Richard (1973) ini jelas menunjukkan bahawa terdapat ciri khas yang luar biasa daripada muzik ialah keupayaan muzik yang dapat menangkap dan membangkitkan pola perasaan seperti pengharapan, keinginan, kegembiraan, kesedihan bahkan turut sama melibatkan kegilaan. Lagu menyampaikan pesan melalui lirik. Sehubungan dengan itu, lirik lagu biasanya terdiri daripada kata yang ringan dan mudah untuk dihafal. Selain itu, setiap lirik lagu juga pasti memiliki jalan cerita yang tersendiri, dan cerita inilah merupakan pesan yang ingin disampaikan oleh penulis lirik kepada individu yang lain (Kementerian Kebudayaan, Kesenian, & Warisan Malaysia, 2005). Maka dengan itu, tidak hairanlah jika banyak individu yang menggunakan lagu sebagai media untuk mengungkapkan perasaan terhadap individu yang lain. Ringkasnya, lagu merupakan salah satu daripada contoh komunikasi nonverbal jika dilihat dari sudut nada dan melodi.

1.2.1 Latar Belakang Kesusasteraan Kanak-Kanak

Penglipur lara merupakan sebuah institusi pendidikan dalam masyarakat tradisional. Cerita serta puisi yang mereka sampaikan menjadi alat kawalan sosial yang membentuk tingkah laku masyarakat pada waktu itu (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud, 2011). Kegemilangan, kehebatan, fungsi serta bahan sastera rakyat ini begitu banyak menjadi kajian para sarjana Barat baik Wilkinson, Winstedt, Skeat serta lain-lainnya. Penelitian tokoh ini disambung oleh para pengkaji tempatan lain antaranya Za'ba, Taib Osman, Zakaria Hitam, Shahrom Husain, A. Samad Ahmad serta lain-lainnya. Pelbagai teori dikeluarkan malah pelbagai hujah pula baik diterima atau ditolak dibincangkan. Namun, ternyata baik cerita mahupun puisi tetap merupakan hasil kreatif daripada pujangga silam yang tinggi wibawa intelektual, dan mereka mewariskan kepada bangsanya mutiara klasik yang tidak ternilai harganya (Roslina Abu Bakar, 2013).

Menyentuh tentang puisi pula, terdapat banyak bahan yang terkumpul dalam pelbagai bentuk dan jenis. Daripada yang terikat dari segi bentuk dan susunannya sampailah kepada yang lepas bebas. Daripada pantun sehingga kepada bahasa berirama serta perbilangangan adat. Namun demikian, satu hal yang perlu disebut ialah bahan yang disebutkan itu mengalami kesenyapan dalam hal melodi atau lagunya. Walaupun sebenarnya ada antara puisi tersebut dinyanyikan baik ia berdiri sebagai sebuah lagu, puisi dalam cerita, puisi dalam mantera mahupun puisi-puisi yang digunakan dalam istiadat (Siti Hawa Salleh, 2009). Fenomena ini menambahkan khazanah puisi rakyat, iaitu puisi yang mempunyai melodi dikenali sebagai nyanyian rakyat. Nyanyian rakyat juga memeriahkan perkembangan sastera rakyat malah kewujudannya masih dapat dirasai sehingga akhir tahun lima puluhan sewaktu tokoh dalam bidang ini masih ada (Mana Sikana, 2006). Mereka menyanyi menggunakan rebab, rebana, batil, gendang, dan sebagainya sebagaimana yang telah disebutkan (Noriah Mohamed, 2006).

Tokoh-tokoh nyanyian ini sebenarnya tidak ramai yang sempat ditemui. Apatah lagi perkembangan nyanyian rakyat walaupun banyak dan meriah tetapi bagaikan satu kecuai kerana kita tidak memberikan inisiatif secukupnya untuk memelihara hasil seni ini (Noriah Mohamed, 2006). Walau bagaimanapun, terdapat usaha yang cukup memberikan makna kepada kita dalam hal menyelidik, mengekal serta memberikan nafas baru terhadap genre ini. Ini misalnya dapat kita lihat dan dengar lagu klasik ini dipersembahkan melalui kesenian makyong, dikir barat, jike, berendoi serta beberapa yang lain (Aripin Said, 2004). Meneliti perkembangan di atas, secara tidak langsung telah memperlihatkan kita satu lagi bentuk atau jenis kesenian yang memerlukan penelitian daripada segala aspek untuk kita mengesan bentuk nyanyian yang dimaksudkan. Mengesan nyanyian rakyat ini kita akan menemukan pelbagai jenis serta variasi lagu yang dinyanyikan (Muhammad Ifran Nyia Abdullah, Sakinah Abu Bakar & Tasnim Mohd Annuar, 2013).

Kemudian, terdapat pula pelbagai fungsinya dalam masyarakat masa lalu khususnya. Namun apa yang ternyata ialah unsur-unsur pendidikan begitu nyata dalam lagu tersebut dan ini menjadikan nyanyian itu berfungsi sebagai alat pendidikan yang cukup jelas (Misran Rokimin 2001). Mendidik dalam erti untuk membentuk budi pekerti, jiwa dan nurani masyarakat pada waktu itu (Misran Rokimin, 2001).

Fungsi nyanyian rakyat pada masa lalu itu tetap sama jika bahan itu berada di tengah-tengah masyarakat sekarang. Namun ternyata kita mempunyai halangan yang cukup mencabar iaitu bahan tersebut terlalu sukar untuk kita dapati kerana tokoh-tokoh yang dimaksudkan jarang kita temukan malah mungkin sudah tidak ada lagi (Mok Soon Sang, 2010). Jika menyebut beberapa nama antara tokoh yang dimaksudkan itu ialah Teh Sidek, Yasin Husain, Saerah Deraman, Mansor Awang Kenit, Imam Md. Diah, Ismail Yen, Esah Taib, Yasin Awang Kecil serta beberapa yang lain. Nama tersebut kebanyakannya ialah tokoh-tokoh dari negeri Pahang. Perkembangan nyanyian rakyat ini sebenarnya terdapat di semua negeri di Malaysia (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2001). Malah, begitu juga dengan negeri Sabah dan Sarawak pastinya mempunyai perkembangan yang lebih unik kerana kepelbagaian etnik yang ada di kedua-dua negeri tersebut. Oleh kerana itu, terdapat beberapa lagu yang terdapat di semua negeri dengan variasi yang sedikit berbeza terutama dalam hal perkataan dan dialek. Hal ini demikian, kerana lagu tersebut diwarnakan oleh keadaan setempat (Ismail Ahmad & Ab Samad Kechot, 2015). Antara lagu yang sempat dikutip daripada tokoh-tokoh yang sempat ditemui ialah *Walinongsari*, *Puteri Kayang*, *Pak Sang Bagak*, *Indung-Indung*, *Burung Kenek-Kenek*, *Tebang Tebu*, *Galah Mudik*, *Dayang Kegnong*, *Perang Bugis*, *Ya Ramadhan*, *Lagu Zikir*, *Anak Ayam Turun Sepuluh*, *Datuk Sepanjang Jalan*, *Ya Habibun*, *Angin*, *Tu Bulan Tu Bintang*, *Pantun Dagang*, *Nazam Ya Tuan*, *Anak Ayam Turun Sepuluh* dan lain-lain (Ismail Ahmad & Ab Samad Kechot, 2015).

Perkembangan mutakhir dalam bidang ini kini nampaknya agak kabur. Walaupun kedudukan sebenar lagu-lagu ini cukup diminati jika diketengahkan dengan cara yang sewajarnya. Kita mungkin boleh mengekalkan bentuk persembahan asalnya sebagai bahan dokumentari dan rujukan dari semasa ke semasa serta menjadi inspirasi kepada tokoh muzik tanah air. Sebagai contoh lagu rakyat Pahang berjudul *Walinongsari* telah dinyanyikan oleh Allahyarhamah Datin Rafeah Buang yang termuat dalam album yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Pahang dengan judul *Bingkisan Dari Pahang* yang telah diterbitkan pada 1994. Allahyarhamah Datin Rafeah Buang adalah merupakan seorang bintang dalam bidang nyanyian selepas menjuarai program *Bintang Satria Singapura* pada tahun 60-an.. Kemudiannya lagu ini dinyanyikan pula oleh penyanyi nombor satu di Malaysia, iaitu Siti Nurhaliza yang termuat dalam album *Seri Balas* yang diterbitkan pada tahun 1999. Ternyata kedua-dua penyanyi ini dengan lagu yang dimaksudkan mendapat perhatian daripada khalayaknya. Baik dalam masyarakat melayu tradisional masa lalu, mahupun dalam masyarakat majmuk era globalisasi kini kita menyakini bahawa lagu-lagu rakyat bakal mendapat tempat jika usaha yang jelas dibuat bagi mengetengahkan semula lagu tersebut walaupun dalam

bentuk persembahan yang berlainan dengan persembahan asalnya. Apa lagi dengan adanya segala kecanggihan teknologi bunyi sekarang ini. Hal ini berarti kita dapat menjadikan lagu-lagu itu berfungsi kembali dalam masyarakat sebagaimana ia berfungsi dalam masyarakat tradisional yang disebutkan itu (Mohd Saiful Mohd Ishak, 2013).

Kecintaan bangsa dan negara menunjukkan kita mempunyai jati diri yang kukuh dan teguh. Mutiara klasik hasil renungan pujangga silam yang amat akrab dengan alam ini merupakan satu bahan yang cukup mutlak untuk bertindak merealisasikan hasrat kita semua. Pastinya, hasil seni yang berpijak pada landas sastera ini dapat memainkan peranan yang sewajarnya serta mempunyai tempat yang betul dan tepat dalam pembentukan peradaban insan baik melodi mahupun lirik lagu-lagu ini dapat diterapkan untuk mendidik jasmani, emosi, rohani dan intelek ahli masyarakat (Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, Norma Saad & Nasariah Mansor, 2015). Lagu-lagu rakyat yang dapat berdiri sebagai sesuatu yang indah akan melaksanakan tugasnya dengan jaya jika ia tidak melalui zaman kesenyapan atau kepupusan (Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal, 2005). Sempurna dan lengkapnya hidup manusia dapat disumbangkan oleh lagu-lagu rakyat. Ia tidak akan dapat dipisahkan daripada susunan bidang ilmu yang kita perlukan. Keindahan lirik serta kemerduan melodi lagu-lagu rakyat dalam landas sastera menjadikan unsur ini sama sekali tidak boleh diabaikan. Maka, kajian berkenaan lirik lagu rakyat seperti album lagu *Pekaka Bercerita* ini sangat wajar dijalankan pada era ini agar pengkajian tentang ilmu sastera ini tidak terus lupus di mata masyarakat dan terus hidup dan menjadi sebahagian dalam proses tumbesaran kanak-kanak pada masa kini.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam sesuatu wacana, serentetan ayat yang ditulis biasanya berfungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej atau serangkaian maklumat kepada khalayak. Ayat yang disusun dengan mengikut ciri-ciri wacana dengan baik akan memastikan maklumat akan dapat disampaikan dengan jelas dan tidak kabur. Walau bagaimanapun, kadang kala maklumat yang terdapat dalam wacana gagal disampaikan dengan efektif (Register, D. 2001). Hal ini demikian, kerana terdapat kelemahan dalam membentuk susunan maklumat yang berkesan oleh penyampai menyebabkan maklumat atau mesej yang ingin disampaikan gagal untuk ditafsir dengan baik oleh khalayak atau pendengar (Nodelman, P. 1992). Perkara ini turut disebut oleh Habsah Hassan (2016), yang mengatakan bahawa kebanyakan penulis lirik pada masa kini lebih gemar mengikut *trend* semasa iaitu dengan menampilkan lirik-lirik lagu yang ringkas sahaja tanpa memberikan penumpuan terhadap gaya bahasa yang digunakan. Bahkan, kadang-kala lirik lagu yang dihasilkan juga langsung tidak mempunyai makna yang khusus untuk disampaikan kepada para pendengar. Hal ini secara tidak langsung akan merosakkan keindahan bahasa dalam seni suara. Selain itu, Habsah Hassan (2016) menambah bahawa, pengkarya pada masa ini perlu lebih bijak untuk mengolah bahasa dengan mengaplikasikan aspek penulisan yang betul untuk memastikan bahawa lirik yang terhasil mempunyai maksud yang cukup mendalam di samping mempunyai jiwa di sebalik gaya yang

bersahaja yang ditonjolkan dalam setiap lirik yang dihasilkan. Sehubungan dengan hal itu, bagi merungkaikan permasalahan di atas, maka wajarlah untuk kajian ini membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan dengan aspek tekstual yang terdapat dalam lirik lagu *Pekaka Bercerita*.

Selain itu, kegagalan penulis lirik untuk mentafsir tahap penguasaan pengetahuan khalayak secara tidak langsung telah menyebabkan pengaliran maklumat menjadi tidak bermakna (Norshafawati Saari, Asiah Sarji, & Fuziah Kartini Hassan Basri, 2010). Jika diperhatikan, kebanyakan lirik yang dapat didengar di corong-corong radio pada hari ini adalah lagu-lagu rancak atau balada yang hanya akan melalaikan para pendengar, khususnya golongan remaja tanpa menyelitkan mesej yang bersesuaian dengan tahap perkembangan minda para pendengar (Habsah Hassan, 2016). Selain itu, Zaharul Lailidin Saidon & Shahanum Mohd Shah, 2015) turut mengakui dengan menyatakan bahawa penilaian terhadap tahap keintelektualan dan ketinggian ilmu seseorang pengkarya jelas akan dapat dilihat dan dinilai melalui hasil penyampaian wacananya. Kesimpulannya, kemahiran untuk mentafsir maklumat juga amat bergantung kepada kaedah penyampaian maklumat yang berkesan oleh penulis. Seajar dengan hal itu, penulis perlu menguasai aspek nahuan dengan baik dalam sesuatu wacana selain memahami konteks situasi ujaran dan menguasai aspek komponen wacana. Dengan ini, kelemahan penulis untuk menguasai elemen ini akan menghalang proses penyampaian maklumat dengan berkesan.

Seperti yang dinyatakan oleh Grayson, J (2013: 48):

“comparing word order in ancient and modern languages, Henri Weil (1844, 1887) detected another principle besides grammar: the relations of ‘thought’ to each other evidently affects the arrangement of word in sentence. His investigations were renewed by Czech linguistics (many of them in the Prague School) under the designation of FUNCTIONAL SENTENCES PREPECTIVE. This designation suggest that sentences elements can ‘functions’ by setting the knowledge they activate into a perspective of importance or newness”

Seajar dengan permasalahan yang diutarakan di atas, maka kajian ini juga akan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan aspek praktis wacana yang terdapat dalam lirik lagu *Pekaka Bercerita* dengan lebih khusus.

Seterusnya, nilai dan norma masyarakat menjadi teras kepada pembinaan dan kekuatan sesebuah masyarakat. Jati diri Melayu sangat jelas terpancar dalam bait-bait lagu rakyat yang didendangkan. Jati diri yang terpapar dalam bait-bait lagu rakyat ini perlu diteladani demi kelangsungan keagungan masyarakat Melayu kerana berfungsi dalam masyarakat menerusi wahana yang menjaga kepentingan sesebuah masyarakat yang bertamadun dan dominan.

Walau bagaimanapun, menurut Aripin Said (1997), lagu rakyat ini amat berfungsi pada masa lalu sahaja, yakni sebelum masuknya alat penghibur elektronik ke dalam masyarakat kita. Lagu ini berkembang daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain secara lisan. Sehingga sampai kepada satu peringkat kepupusannya dalam kalangan masyarakat. Hal ini adalah disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak lagi berminat dengan lagu-lagu rakyat kerana wujudnya alat hiburan lain yang lebih menarik dan canggih sama ada dari segi persembahan atau kemudahan yang terdapat pada alat tersebut (Lily Salwani Razali, 2011). Hal ini turut disebut oleh Othman Puteh (2001) yang mengatakan bahawa kebanyakan kanak-kanak pada masa kini menjadi dewasa sebelum usia kerana mereka telah disogokkan dengan bahan hiburan yang kurang mempunyai unsur pendidikan sehinggakan karya-karya sastera untuk kanak-kanak seusia mereka hanya dipandang enteng oleh ibu bapa. Perkara ini turut disebut oleh Salcedo (2002) telah membuktikan bahawa lapan puluh peratus kanak-kanak masa kini telah menghabiskan masa seharian mereka dengan hiburan yang tidak sesuai dengan tahap umur mereka. Keadaan ini telah menimbulkan masalah sosial dalam kalangan mereka yang disebabkan oleh pengaruh media. Selain itu, Shamsul Amri Baharuddin (2001), dan Salcedo (2002) juga menjelaskan bagaimana media semasa mempengaruhi tingkah laku agresif kanak-kanak melalui mesej yang diterima dalam konteks ekologi mereka secara kerap atau berulang-ulang seperti tontonan video, permainan video, lirik lagu yang tidak sihat dan sebagainya. Berikutan dengan hal itu, kajian ini akan mengkaji proses sosial yang terdapat dalam lirik lagu *Pekaka Bercerita* agar dapat menjelaskan satu persatu aspek proses sosial dalam bait lirik-lirik lagu *Pekaka Bercerita* bagi merencanakan proses pendidikan yang menghiburkan untuk kanak-kanak.

Selain itu, terdapat juga tokoh-tokoh dan sarjana kesusasteraan yang menganggap sastera kanak-kanak sebagai fenomena yang kecil, terpencil, dan tidak penting. Mohamad Hasmi Hashim (2012) mengatakan bahawa orang yang melibatkan diri dalam karya kanak-kanak amat dipandang rendah. Berikutan dengan hal itu, dalam menangkis pandangan tersebut, aspek bahasa dalam lirik lagu untuk golongan kanak-kanak ini perlu dilihat dengan lebih terperinci. Aspek bahasa dalam lirik lagu kanak-kanak sebenarnya memberi kesan yang mendalam kepada golongan kanak-kanak itu sendiri apabila mereka menikmati karya tersebut (Lakoff, G. & Johnson, M, 1980). Malah, Mohamad Ali Majod (1997) turut mengatakan bahawa untuk membolehkan setiap karya kanak-kanak diangkat martabatnya, maka para sarjana perlulah melakukan penyelidikan berkaitan dengan sastera kanak-kanak. Setelah mengambil kira semua kenyataan di atas, maka kajian ini adalah sangat wajar untuk dilakukan bagi memastikan lirik lagu yang dihasilkan mempunyai elemen kebahasaan seperti aspek tekstual, praktis wacana dan juga praktis sosial yang diseimbangkan agar dapat menghasilkan lirik lagu yang mempunyai daya yang lebih berkesan serta menghasilkan pengungkapan yang lebih realistik.

1.4 Persoalan Kajian

Secara lebih khusus, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang berikut:

1. Apakah aspek tekstual yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*?
2. Apakah aspek praktis wacana yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*?
3. Apakah aspek proses sosial yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menghuraikan aspek tekstual yang terdapat dalam kompilasi lirik lagu *Pekaka Bercerita*.
2. Membincangkan aspek praktis wacana yang terdapat dalam kompilasi lagu *Pekaka Bercerita*.
3. Menjelaskan aspek praktis sosial yang terdapat dalam kompilasi lagu *Pekaka Bercerita*.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan sama ada secara teori mahupun secara pragmatik. Secara teorinya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan manfaat disiplin linguistik daripada kajian 'bahasa untuk dunia bahasa' menjadi 'kajian bahasa untuk dunia nyata' (Idris Aman, 2007). Hal ini demikian kerana, kajian bahasa dalam pemahaman realiti sosial (dunia nyata) dapat menjadikan ilmu bahasa lebih diperhitungkan dan dinilai sebagai sesuatu yang memiliki peranan yang sama pentingnya dengan ilmu sosial lain dalam mengubah kehidupan masyarakat agar menjadi lebih baik.

1.6.1 Kepentingan kepada Pembangunan Teori

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan manfaat bagi penghasilan model analisis wacana kritis media yang peka terhadap penggunaan bahasa serta peka terhadap proses sosial yang wujud. Dari sisi lain pula, dengan adanya kajian ini diharap dapat dijadikan pedoman atau panduan bagi para pengkaji teks media yang lain agar lebih bertanggungjawab dalam usaha mentafsirkan teks, dan tidak hanya berdasarkan interpretasi peribadi semata-mata.

1.6.2 Kepentingan kepada Pihak Media

Selain itu, kajian ini juga berkepentingan kepada pemilih media dan khalayak umum khususnya kepada pendengar. Pertama, bagi pemilik media, kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran kepada mereka untuk lebih berhati-hati dalam memanfaatkan bahasa dalam setiap penerbitan mereka. Hal ini demikian, kerana penggunaan bahasa dalam media khasnya dalam lirik lagu secara tidak langsung mempengaruhi minda pendengar (Siti Muslihah Isnain & Normaliza Abd Rahim, 2012). Sehubungan dengan hal itu, jika bahasa yang tidak baik diperdengarkan kepada pendengar, dikhuatiri kelak akan menumbuhkan sentimen negatif dalam benak pendengar. Dengan kata lain, kajian ini diharap dapat mengubah institusi media sebagai penghasil teks khususnya lirik lagu untuk mempunyai tanggungjawab sosial dalam mengharmonikan pemikiran pendengar. Sehubungan dengan hal itu, kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para penulis lirik agar dijadikan panduan dalam menghasilkan karya yang sesuai dengan kanak-kanak. Asmah Omar (1993) dan Normaliza Ab Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) membuktikan bahawa kanak-kanak mempunyai sifat untuk meniru bahasa, sama ada yang didengar, ditutur atau dibaca. Oleh hal yang demikian, aspek bahasa terutamanya tentang penggunaan ayat, dan kata dalam lagu kanak-kanak harus sesuai demi membayangkan halus kasarya atau baik buruknya bahasa kanak-kanak itu.

1.6.3 Kepentingan kepada Para Guru

Kajian ini memudahkan untuk para guru memilih bahan sastera untuk pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian, kerana para guru bahasa dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai landasan untuk menggunakan sastera kanak-kanak dalam pengajaran, khususnya bagi yang menyentuh dari sudut bahasa. Kajian ini juga diharap dapat membantu para guru dalam usaha mempertingkatkan tahap keberkesanan bagi proses pengajaran dan pembelajaran kerana para guru akan menjadi lebih mudah dalam memilih teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai, terutamanya kearah memperkukuh kemahiran bahasa pelajar.

1.6.4 Kepentingan kepada Para Pelajar

Seterusnya, kajian ini juga memberi manfaat sepenuhnya kepada golongan pelajar atau kanak-kanak. Ini bermakna, menerusi kajian yang dijalankan ini, diharap ianya dapat membantu golongan ini untuk memperluaskan penguasaan kosa kata mereka di samping dapat menghayati keindahan hasil sastera, pelajar juga secara tidak langsung disedarkan dengan kewujudan laras bahasa dalam hasil sastera. Berikutan dengan itu, dapat disimpulkan disini bahawa kajian ini berpotensi untuk menambah kefahaman pelajar tentang karya sastera, di samping dapat menambahkan kosa kata serta pengetahuan berbahasa, khususnya yang berkaitan dengan wacana yang terdapat dalam sesebuah karya sastera.

1.6.5 Kepentingan Kepada Ibu Bapa

Selanjutnya, kajian ini juga penting kepada golongan ibu bapa kerana secara tidak langsung kajian ini akan memberikan sedikit sebanyak panduan kepada golongan ibu bapa untuk meneliti terlebih dahulu secara menyeluruh kandungan bahan pembelajaran dan hiburan kepada anak masing-masing. Kajian ini juga diharap dapat membantu dalam usaha mencari bahan pembelajaran yang sesuai untuk perkembangan minda anak-anak.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini berteraskan sebuah album lirik lagu untuk golongan kanak-kanak yang bertajuk 'Pekaka Bercerita'. Di dalam album ini terdapat 20 lirik lagu. Lirik-lirik lagu ini telah dihasilkan oleh Normaliza Abd Rahim pada tahun 2014. Album ini telah diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014. Pemilihan album lirik lagu *Pekaka Bercerita* ini sebagai bahan kajian adalah kerana album ini merupakan album yang telah dikhususkan untuk golongan kanak-kanak, di samping mempunyai input yang bertunjangkan koleksi cerita kanak-kanak daripada sebuah buku yang berjudul *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Album ini juga dilihat sangat berpotensi untuk mengangkat kembali cerita kanak-kanak yang semakin ditinggalkan dalam bentuk yang lebih menarik iaitu dalam bentuk lirik lagu yang ringkas, mudah, dan bermakna. Seajar dengan hal itu, maka kajian ini telah membataskan sebanyak 20 lirik lagu yang akan dianalisis dengan merujuk kepada jadual 1 di bawah:

Bil.	Judul Lirik Lagu
1	Air Mata Nipah
2	Hakim Yang Bijaksana
3	Gua Musang
4	Sungai Duyung
5	Penjual Kayu Api Yang Mulia
6	Kerana Budi
7	Jambatan Pelangi
8	Bunga Cengkih
9	Puteri Tupai
10	Budak Membina Negeri
11	Pemburu Yang Tamak
12	Si Pintar
13	Si Manis Dan Kura-kura
14	Bangau Dan Kancil
15	Penghulu Burung
16	Padi Berbuah Emas
17	Mengapa Gagak Berbulu Hitam
18	Burung Cenderawasih
19	Kayu Berubah Tempat
20	Burung Dedaut Dan Tuan Puteri

Jadual 1: Judul Lirik Lagu dalam Album *Pekaka Bercerita*

1.8 Definisi Operasional

Definisi ini merujuk kepada pengertian serta pemahaman terhadap istilah penting yang seringkali digunakan dalam operasi penulisan kajian ini. Diharapkan dengan penjelasan makna dan huraian kata yang diberikan akan dapat membantu melancarkan pembacaan dan pemahaman pembaca. Antara istilah yang diberikan penekanan oleh pengkaji untuk diberikan definisi serta penjelasan adalah seperti yang berikut:

1.8.1 Wacana Kontekstual

Wacana ialah unit bahasa yang lebih besar daripada ayat. Sehubungan dengan hal itu, semua perkara yang melibatkan bahasa ialah wacana. Retorik menjadi komponen yang penting bagi wacana (Fairclough, N. 1992). Jadi, secara ringkasnya wacana ialah satuan bahasa yang terlengkap, tertinggi, dan terbesar di atas ayat atau klausa dengan koherensi yang tinggi dengan kesinambungan dan mempunyai awal dan akhir yang nyata sama ada disampaikan secara lisan atau tulisan. Perkataan wacana itu sama dengan perkataan ucapan yang utuh untuk wacana lisan, dan karangan yang utuh untuk wacana tulisan dalam pengajaran bahasa Melayu sebelum ini (Bloomfield, 1993).

Menurut Halliday & Hassan (1995) wacana kontekstual ini merupakan konteks wacana yang menyertai wacana lain. Hal ini bermaksud bahawa teks yang lain itu tidak hanya ditulis dan disebut, tetapi juga mempunyai nilai *nonverbal* yang meliputi keseluruhan teks tersebut.

Seterusnya, Brown & Yule (1983) pula mengatakan bahawa wacana kontekstual ini merupakan wacana yang harus menggunakan aspek pragmatik bagi menganalisis pemakaian bahasanya. Contohnya, penganalisis wacana hendaklah mempertimbangkan beberapa konteks seperti konteks tempat dan situasi dalam sesebuah teks wacana yang dianalisis.

1.8.2 Pekaka Bercerita

Pekaka Bercerita merupakan nama bagi sebuah album lirik lagu yang mengandungi 20 lirik lagu di dalamnya. Lirik lagu yang berkenaan adalah terdiri daripada lagu *Air Mata Nipah, Hakim yang Bijaksana, Gua Musang, Sungai Duyung, Penjual Kayu Api yang Mulia, Kerana Budi, Jambatan Pelangi, Bunga Cengkih, Puteri Tupai, Budak Membina Negeri, Pemburu yang Tamak, Si Pintar, Si Manis dan Si Kura-kura, Bangau dan Kancil, Penghulu Burung, Padi Berbuah Emas, Mengapa Gagak Berbulu Hitam, Burung Cenderawasih, Kayu Berubah Tempat, dan Burung Dedaut dan Tuan Puteri*. Kesemua lirik lagu ini merupakan lirik lagu untuk golongan kanak-kanak berunsurkan cerita rakyat yang sangat efektif dalam membantu perkembangan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014).

Selain itu, lirik lagu ini juga merupakan lirik lagu yang diadaptasi daripada buku *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang ditulis dan digarap oleh Othman Puteh & Aripin Said (2011). Selanjutnya, kesemua lagu yang terdapat dalam album *Pekaka Bercerita* ini pula adalah merupakan karya Normaliza Abd Rahim. Album *Pekaka Bercerita* ini juga merupakan album sastera untuk golongan kanak-kanak yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014.



BIBLIOGRAFI

- Allen, D. (2007). *Improving English Acquisition Skills For English Languages Learners with Muzic Instruction. An Action Research Project*. Shawnee Mission Board of Education.
- Alice Alim (2004). *Analisis Tautan Perulangan dalam Lirik Lagu Melayu Moden*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn.Bhd.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan Emosi Kanak-kanak Melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Aswara*, (2) 66-88.
- Arba'ie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2014). Word Recognition through Malay Animals Fables. *Asian Social Science Journal*. 10 (11), 252-257.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2001.
- Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. (2004). *Nyanyian Rakyat: Khazanah Bangsa yang Hilang*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Asmah Omar. (1992). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2006). *Panduan Wacana akademik: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan Wacana Politik dalam Karya Sastera: Analisis Novel Kawin-Kawin. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*. 31(2). Pp. 461-476.

- Che Ibrahim Salleh, Nur Amirah Che Soh. (2014). Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *Jurnal Antarabangsa Alam dalam Tamadun Melayu*, Jilid 2, Bil 1 Januari 2014.
- Davis, S.G. (2010). Ben Botkin's FBI Files. *Journal of American Folklore Society*. 123(1), 23-47.
- Grayson, J. (2013). The Columbia Anthology Of Chinese Folks And Popular Literature. *Journal of the Folklore Society*. 124(3), 359.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N. & Wodak, R. (1997). *Critical Discourse Analysis*. London: Sage Publication Ltd.
- Fairclough, N. (2003). *Analysis Discourse: Tekstual Analysis For Sosial Research*. London: Routledge.
- Farizan M. Amin (2008). *Analisis Tema Lirik Lagu Kumpulan 2D dari Singapura: Kajian Semantik Leksikal*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gipe, J. (2002). *Multiple Paths to Literacy: Classroom Techniques for struggling Readers*. Merrill: Parents to Hall
- Hadijah Rahmat. (2006). *Masyarakat Dalam Sastera*. Dewan Sastera. Ogos 47-48.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Muthalib. (2000). *Sang Kancil ke Mana Kau?. Filem Animasi di Era Globalisasi: Masa Depan dan Cabaran*. Dalam Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. 7-8 November.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasuria Che Omar. (2012). Analisis Wacana Kritis dalam Program Televisyen Raja Lawak dan Implikasinya Terhadap Psikososial Audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, Jilid 12, Bil. 1, Jun 2012, 60-72.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, Norma Saad & Nasariah Mansor. (2015). Perubahan Domain *Dalam Memaknakan Darah: Analisis Gaya Komunikasi Berbahasa Dalam Peribahasa Melayu*. *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. Jilid 5 (1) 23-36

- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. (2007). Tema Bertanda Ayat Wacana: Analisis Nahu Fungsional. *Bahasa*. 7(2), 41- 64.
- Ismail Ahmad & Ab Samad Kechot. (2015). Lagu Melayu Asli: Unsur Sinkretisme dalam Instrumentasi Persembahan. *Jurnal Melayu*. Vol 14 (2)
- Izzah Abdul Aziz. (2013). *Pada Suatu Masa Dahulu...”: Adakah Cerita Rakyat Menyeronokkan Atau Menakutkan Kanak-Kanak?*. Oktober. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Wacana Sastera Kanak-Kanak & Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Dewan Seminar Dato’ Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2005). Pengkonsepsian dan Pemetaforaan “hati”. *Jurnal Bahasa*. 5(4) Disember: 1-22.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian, & Warisan Malaysia (KEKWA). (2005). *Dasar & Strategi Pembangunan Muzik Malaysia*. Kuala Lumpur: Match Express Corporation Sdn. Bhd, Perkasa Nilam, Sdn Bhd.
- Lily Salwani Razali. (2011). *Pendekatan Klasisme Dalam Cerita Rakyat Kanak Kanak*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, September (2), 87-106.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lau Yoke Lian. (2009). *Metafora Kata Nama dan Kata Sifat dalam Cerpen Bahasa Mandarin*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Md Saidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu Mencari Nafas Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madiawati Mamat & Arbai’e Sujud. (2009). Transformasi Medium dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia dalam Cerita Unggas. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jld. 20. pp 163-178.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 48-57
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff. (2015). Intertekstualiti dalam Wacana Muamalat. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3 (1).
- Mohd Azam bin Sulong. (2015). Analisis Melodi dan Seni Kata Lagu Terbaik Industri Muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura tahun 2013. *Malaysian Music Journal* Vol.4, Num. 2 (67-85).
- Mok Soon Sang. (2010). *Bimbingan dan Kaunseling Kanak-Kanak*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Irfan Nyia Abdullah, Sakinah Abu Bakar, & Tasnim Mohd Annuar. (2013). Rodat: Budaya Tradisi yang Berevolusi. *Jurnal of Arts Discourse*. Vol (12), 21-32.
- Misran Rokimin. (2001). *Pendidikan Moral menerusi Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saiful Mohd Ishak. (2013, Jun 3). Martabatkan Sastera Kanak-kanak. *Berita Harian*, m.s 15.
- Maserah Shabudin & Idris Aman. (2013). Interdiskursiviti dalam Wacana Iklan Produk Kecantikan Berbahasa Jepun. *Gema Online Journal of Language Studies*. 32(2): 149-168.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sejarah Kritikan Melayu Moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nodelman, P. (1992). *The Pleasure of Children's Literature*. New York: Longman.
- Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa Dan Fikir Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2011). Warisan Budaya Melayu Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-Kanak, *Jurnal ASWARA* (2), 18-25.

- Noor Aina Dani & Any Lay Hoon. (2013). *Nilai Murni Dalam Cerita Jenaka Melayu Daripada Perspektif Islam dan Barat: Perbandingan antara Model A-Ghazali dengan Model Via*. (Oktober). Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sastera Rakyat Melayu Serantau anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Normaliza Ab Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learns. *Technics Technology Education Management*. 9(2), 352-360.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animals Fable'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*. October, 10 (19), 17-23.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. July, 13 (3): 216-221.
- Nur Asmira Mad Din. (2011). *Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu Rakyat Koleksi Aripin Said*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji, & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Jilid 26 (2): 47-65*.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi: Jilid 32 (1): 189-206*
- Othman Puteh & Aripin Said (Peny.). (2011). *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Register, D. (2001). The Effects of an Early Intervention Music Curriculum on Pre-reading/Writing. *Journal of Music Theraphy*. 38 (3), 239-248
- Richard, M. D. (Ed.). (1973). *Folklore and Folklife: An Introduction*. Chicago: The University of Chicago.
- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur Retorik dalam Puisi Melayu Al-Amin Karya A.Samad Said. *Jurnal Usuluddin*, (37): 117-150.
- Radiman Hj Junaidi. (2011). *Analisis Wacana Terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi*. Tesis Ph.D., Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Roslina Abu Bakar. (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi Dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosyih Sedik. (2010). *Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu Rakyat Terengganu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Rohaidah Kamaruddin. (2015). *Nilai Murni Dan Pengajaran Dalam Sang Kancil*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX Pada 3 & 4 November.
- Rohaidah Haron. (2016). *Interdiskursiviti dalam Wacana Perutusan: Tumpuan Terhadap Amanat Naib Canselor 2015*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Salcedo, S. (2002). *The Effects of Songs in the Foreign Languages Classroom on Text Recall and Involuntary Mental Rehearsal*. Phd Dissertation. Louisiana State University.
- Schon, D., Moreno, S., & Besson, M. (2007). *Songs as An Aid for Languages Acquisition*. Canada: Universite of Montreal.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2015). Laras bahasa dalam Lagu 'Hakim yang Bijaksana'. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2), 103-113.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2017). Tahap Keberkesanan Lagu Si Pintar dan Lagu Si Manis dan Kura-kura Terhadap Kanak-kanak. *Journal of Business and Social Development*. 5(2) 2017: 102-110.
- Siti Hawa Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Muslihah Isnain & Normaliza Abd Rahim. (2012). Gaya Ujaran Berbantu Komputer dalam kalangan Kanak-kanak Sekolah Rendah. *Jurnal Bahasa*. 12(1) Jun 2012, 126-150.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2001). Pembinaan Acuan Identiti. *Dewan Budaya*. 23(7): 52-55
- Zaharul Lailidin Saidon & Shahanum Mohd shah. (2015). Penilaian dan Pensijilan bagi Muzik Malaysia berdasarkan Model Penjelasan Muzik red Antarabangsa. *Malaysian Music Journal*. Vol 4 (1): 42-53

Rujukan Akhbar Atas Talian

- Habsah Hassan. (28 Disember 2016). Penulis Lirik Tidak Boleh Syok Sendiri. The Star Online. Diakses pada 15 oktober 2017 daripada <http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2016/12/28/habsah-hassan-lirik/>

Hasmi Hashim (4 Ogs 2012). Penulis Lirik Tawar Bantuan untuk Lagu Merdeka Baru. Malaysia Kini Online. Diakses pada 15 oktober 2017 dari <https://www.malaysiakini.com/news/205449>

